

Nama :

Tarikh :

Sayangi Sungai Kita

Nabila menghadiri Pameran Alam Sekitar yang diadakan di Pusat Informasi Sungai Skudai, Johor. Banyak maklumat yang diperolehi.


PENCEMARAN SUNGAI DARI PUNCA TETAP



Air sisa larut resap berpunca dari tempat pelupusan sampah.



Pembuangan sisa toksik dari kawasan industri.



Pembuangan sisa minyak dari bengkel kenderaan.

Pencemaran sungai dari punca tetap ialah pencemaran yang dapat dikesan puncanya.



Selepas mendengar ceramah, Nabila dan peserta lain telah membersihkan kawasan Sungai Skudai, Johor. Kawasan sungai yang kotor telah bersih dan indah. Mereka berjanji akan terus menyertai kegiatan pembersihan sungai yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Jawab soalan pemahaman berdasarkan petikan diatas.

1. Dimanakah Pameran Alam Sekitar diadakan?
2. Apakah maksud pencemaran sungai dari punca tetap?
3. Air sisa larut resap berpunca dari mana?
4. Mengapakah kawasan Sungai Skudai dibersihkan?
5. Apakah janji Nabila dan rakan-rakan?